

## Pastikan kelestarian sumber asli unik, langka

Dari Kaca Mata



**Prof. Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo**

Pengerusi, Khazanah Alam Sekitar dan Kestarian, Akademi Profesi Malaysia (APM) dan Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Saya tertarik penjelasan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah mengenai pendekatan pengurusan sumber asli negara di TV1 beberapa hari lalu. Kesedaran pentingnya keseimbangan antara pemuliharaan dan penggunaan secara lestari sumber asli amat terlewat. Ini tindakan positif dan perlu dikuatkuatkan; strategi serta tindakan mantap.

Begitu juga kenyataan beliau untuk meminda beberapa akta bagi membolehkan usaha memajukan dasar kepada tindakan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi tujuan ini, beberapa kenyataan dasar perlu diperkatakan dengan jelas dan mudah difahami. Saya yakin dasar sedia ada masih relevan dan memenuhi tuntutan pembangunan lestari, tetapi kebanyakan isu dan hambatan terletak pada tindakan pelaksanaan kurang berkesan.

Dalam konteks dasar, sama ada sumber hayati (kepelbagaian biologi) atau bukan hayati (batu bara, mineral dan air) isu asas adalah mengenal pasti nilai, ke-

limpahan dan kepentingan dalam pembangunan negara.

Dalam konteks nilai, terdapat sumber asli unik (hanya dijumpai di Malaysia), langka (dijumpai di beberapa negara) atau biasa. Konsep Warisan Sumber Asli (WSA) dan kepentingan memelihara sumber unik serta langka perlu diberikan perhatian tinggi. Aspek ini belum diberikan perhatian sewajarnya.

Kelimpahan pula ialah biasanya sumber boleh dimanfaatkan. Ia berkaitan sumber tidak boleh diperbaharui seperti batu bara, mineral dan sumber tenaga fosil. Jika taburannya melimpah, dasar penggunaan lestari boleh mengambil kira kegunaan dalam negara dan untuk eksport. Namun, jika taburannya terhad, mungkin Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) perlu menyediakan dasar hayati untuk kegunaan dalam negara.

Begitu juga dalam soal kepentingan sumber. Perkara penting didahulukan, jika tidak kita mungkin memusnahkan sumber, iaitu mengurangkan sumber berkualiti untuk keperluan rendah.

Konsep kedua dalam pengurusan sumber asli ialah hierarki kepentingan sumber asli. Dalam konteks ini, ia terbahagi kepada tiga kepentingan iaitu bernilai khazanah (warisan budaya dan tamadun bangsa), asas kehidupan (hidup ekologi) serta kegunaan untuk bahan binaan dan sumber ekonomi.

Daripada perspektif khazanah, kita perlu mengenal pasti sumber bernilai warisan tabii (bertarif antarabangsa, kebangsaan atau negeri). Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan ini boleh

dimandatkan kepada agensi pelaksana bersesuaian. Konsep taman negara, taman negeri, rizab hidupan liar, landskap berpemandangan indah, biotapak, protopak dan monumen tabii perlu dimantapkan serta dilaksanakan.

Sumber biologi sebagai sumber boleh diperbaharui pada masa ini diurus di bawah konsep hutan simpan kekal (HSK). Ini idea penjajah Inggeris untuk memastikan kawasan hutan dikalokan dan sumber hutan boleh diguna untuk pemeliharaan dan sumber ekonomi.

Ia masih relevan daripada perspektif penggunaan lestari, tetapi perlu ditambahkannya dasar berkaitan warisan tabii dan perkhidmatan ekologi. Idea pemuliharaan hasil hutan lebih berkesan dan mesra alam, seperti hutan pertanian serta hutan komuniti perlu diteruskan.

Dasar pengurusan sumber geologi (batu bara dan mineral), iaitu sumber tidak boleh diperbaharui memerlukan dasar kelestarian berasaskan kelimpahan, kepentingan dan kesesuaian penggunaan lebih jelas. Contohnya, Seimanjung mempunyai kelimpahan batuan granit tinggi dan sangat sesuai sebagai sumber utama bahan binaan. Sumber ini boleh digunakan tanpa batas. Pengkuarian granit boleh digalakkan sebagai asas penyediaan agregat dan batu dimenai dalam industri binaan.

Batu kapur, terutama pertukangan kars bukan sahaja kelimpahannya terhad, tetapi mempunyai nilai warisan tinggi. Pada masa sama, Jabatan Mineral dan Geosains boleh mengesahkan, taburan batu kapur bawah tanah boleh mencapai lebih 90 peratus

berbanding kuantiti membentuk bukit batu kapur.

Oleh itu, dasar pengambilan batu kapur sebagai bahan industri perlu dihadkan kepada penkuarian bawah tanah. Keindahan landskap kars di Ipoh umpamanya, terjejas teruk akibat pengkuarian dan ini tentu tidak dapat dikembalikan kepada keadaan asal.

Dasar perlombongan mineral bijih, terutamanya timah, besi, bauksit, tembaga, emas dan pelbagai mineral industri pada masa ini tertumpu kepada sumber komoditi atau eksport. Saya bersetuju dengan pandangan menteri, dasar baharu perlu digubal bagi memastikan aktiviti perlombongan ini menggalakkan pertumbuhan industri hiliran berasaskan mineral.

Ia bukan sahaja dapat menambah nilai, tetapi berupaya menggalakkan pertumbuhan industri ternajai watan dan mengurangkan aliran keluar wang negara. Pada masa ini, negara mengimport pelbagai produk teknologi berasaskan sumber mineral dari luar negara bernilai ribuan juta ringgit.

Sumber petroleum (minyak bumi dan gas asli) negara diurus melalui Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan tugas melaksanakan diserahkan kepada PETRONAS.

Pencapaiannya tidak perlu dilulus lagi kerana ia membuktikan kesesuaian cemerlang dan menghasilkan sumber petroleum yang membawa banyak manfaat kepada kesejahteraan dan ekonomi negara.

Disebabkan petroleum ialah sumber tidak boleh diperbaharui dan boleh habis dalam puluhan

tahun akan datang, idea *Gas Fund* diperkenalkan bagi menggantikan sumber yang dihabiskan untuk generasi akan datang. Dana ini diharap tidak digunakan sepenuhnya untuk pembangunan sumber gantian oleh PETRONAS, sebaliknya diagihkan kepada institusi penyelidikan awam bagi membangun teknologi sumber tenaga keterbaharuan.

Dasar pembangunan sumber tenaga keterbaharuan, khususnya solar, hidro, angin dan ombak masih perlu diperkembangkan bagi menggalakkan penggunaan secara meluas. Pada masa ini, kebergantungan tinggi kepada perkhidmatan bertonopol kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) kurang menggalakkan pembangunan tenaga solar secara kecil dan hives.

Penghasilan sumber solar domestik berlebihan pada waktu siang tidak digalakkan disimpan dalam sistem grid kebangsaan untuk digunakan ketika malam. Pelbagai kerosah birokrasi diperlukan bagi warga yang ingin membangun sistem solar.

Saya gembira mengikuti ucapan Menteri Tenaga dan Sumber Asli yang menunjukkan kesungguhan untuk memperbaiki sistem penyampaian kepada masyarakat.

Beliau perlu menggembirakan pakar bebas yang boleh menasihati dalam hal ehwal dasar dan strategi pelaksanaan untuk bertindak lebih berkesan.

Agensi dan pegawai kanan di KeTSA pasti akan memberikan input berasaskan dasar sedia ada dan pengalaman pengurusan. Gabungan kedua-duanya pasti membuahkan hasil bijaksana.



Silang Berakasi

Pengarang Kumpulan  
SALIMON IHSAN  
salimon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital  
M THILLINADAN  
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak  
ADIAN A SAMAN  
achuan@bh.com.my

Ketua Konvergen, Komersial & Multimedia NPTP  
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN  
mahazain@bh.com.my